

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN [KIMANIS]

TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

DATUK MOHAMAD BIN ALAMIN [KIMANIS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian bekerjasama dengan Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP) membuat pemantauan dan pengawalan pada data peribadi yang dicatatkan secara manual di dalam buku di premis perniagaan di seluruh Malaysia selain daripada pendaftaran melalui aplikasi MySejahtera supaya menyekat pihak ketiga tidak menyalahgunakan data peribadi tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Pemantauan data peribadi yang dicatatkan secara manual di dalam buku di premis perniagaan adalah di bawah tanggungjawab pihak Jabatan Perlindungan Data Peribadi (JPDP). Pihak JPDP pada 29 Mei 2020 juga telah mengeluarkan **tatacara pengendalian** bagi pengumpulan, pemprosesan dan penyimpanan data peribadi oleh pemilik premis perniagaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB). Tatacara ini antara lain telah menggariskan perkara-perkara seperti berikut:

- a. premis perniagaan hanya perlu merekodkan **nama, nombor telefon, tarikh dan masa** kehadiran pengunjung;

SOALAN NO : 17

- b. kaedah pengumpulan data peribadi adalah tertakluk kepada premis perniagaan (**secara manual atau pun digital**);
- c. paparan **notis yang jelas** mengenai tujuan pengumpulan data peribadi;
- d. data peribadi yang dikumpul hanya digunakan **untuk tujuan pengesanan kontak selaras dengan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988** (Akta 342);
- e. tempoh masa penyimpanan data peribadi yang dikumpul adalah **sehingga selepas 6 bulan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ditamatkan** dan mesti dimusnahkan atau dipadam secara kekal; dan
- f. premis perniagaan perlu memastikan data peribadi yang dikumpul adalah **tepat dan tidak mengelirukan**.

2. Sehingga 1 Oktober 2020, sebanyak 804 pemeriksaan terhadap premis perniagaan telah pun dijalankan oleh Bahagian Penguatkuasaan, JPDP di seluruh negara. Pemeriksaan yang dilaksanakan adalah merangkumi pelbagai sektor termasuk kesihatan, peruncitan, pajak gadai, telekomunikasi dan lain-lain.

Sekian, terima kasih.